

**YAYASAN ISLAM KELANTAN
KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION**

Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Tel: 09-7126315, 09-7126933 & 09-7128144
09-7126040 (Lembaga Peperiksaan) Fax: 09-7127806
Email:yik@kelantan.gov.my www.yik.kelantan.gov.my



المؤسسة الإسلامية بـكـلنتان

نيلم فوري، ص.ب. : ٢٤٨ ، ١٥٧٣٠ ، كوتيهارو، كلنتن، ماليزيا.
تليفون: ٠٩-٧١٢٦٣١٥ (المكتب) ، ٠٩-٧١٢٨١٤٤
٠٩-٧١٢٦٠٤٠ (هيئة الإمتحانات)
فاكس: ٠٩-٧١٢٧٨٠٦

Rujukan Kami:YIK/100/1/1-3 Jld 3(08)
Bertarikh:13 Safar 1434H
Bersamaan:27 Dis 2012

Kemajlis

Semua Pengetua Maahad Yayasan Islam Kelantan
Semua Pengetua Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan
Semua Pengetua SMU(A) Yayasan Islam Kelantan
Sheikh Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan
Semua Guru Besar Tadika Yayasan Islam Kelantan.

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN YAYASAN ISLAM KELANTAN
BILANGAN 5/2012**

**PENETAPAN POLISI BAYARAN BALIK YURAN PENGAJIAN
BAGI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN
DI BAWAH YAYASAN ISLAM KELANTAN.**

1. TUJUAN.

1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan penetapan polisi bayaran balik yuran pengajian pelajar-pelajar di semua institusi di bawah Yayasan Islam Kelantan apabila berlaku perpindahan di antara mana-mana sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Institusi Pendidikan di bawah Yayasan Islam Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Hasil dari semakan Audit Dalam Yayasan Islam Kelantan di sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan didapati terdapat beberapa kaedah bayaran balik yuran pengajian yang dibuat kepada pelajar-pelajar apabila berlaku perpindahan atau keluar sekolah berdasarkan kepada budi bicara Pentadbir sekolah masing-masing.

2.2 Situasi ini berlaku memandangkan belum terdapat ada apa-apa polisi yang ditetapkan berkaitan dengan perkara tersebut. Bagi membuat penyelarasan mengenai perkara di atas maka satu polisi telah ditetapkan untuk dipatuhi oleh semua Pentadbir-Pentadbir sekolah.

3. PELAKSANAAN POLISI

3.1 Bayaran balik sebanyak 50% dari keseluruhan yuran yang dikenakan bagi sesuatu tahun sekiranya sesorang pelajar itu keluar atau berpindah dari mana-mana sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan dalam tempoh sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berkenaan dan tiada apa-apa bayaran balik boleh dibuat sekiranya mana-mana pelajar keluar atau berpindah selepas dari tarikh itu.

3.2 Mana-mana pelajar yang berpindah diantara mana-mana sekolah di bawah Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan selepas pada tarikh 31 Mac dalam tahun berkenaan hendaklah membuat bayaran yuran sebanyak 50% dari keseluruhan yuran yang perlu dibayar di sekolah barunya. Sekiranya pertukaran atau perpindahan itu berlaku pada atau sebelum 31 Mac dalam tahun berkenaan maka bayaran sebanyak 100% dari yuran yang dikenakan di sekolah barunya hendaklah dijelaskan.

3.3 Mana-mana pelajar yang masih menanggung hutang apa-apa yuran persekolahan dan yang berkaitan dengannya hendaklah menjelaskan kesemua baki hutang yang masih ditanggungnya sebelum apa-apa perakuan atau surat pengesahan atau apa-apa sijil atau keputusan peperiksaan diberikan kepadanya tertakluk kepada kaedah sebagaimana di para 3.1 dan 3.2 di atas.

4. TARIKH BERKUAT KUASA.


4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

*** ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT***

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ***

KELANTAN MEMACU KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ISLAM

Yang merangkap perintah



(HJ. TENGKU AZMI BIN HJ. TENGKU JAAFAR)

Pengarah

Yayasan Islam Kelantan.



**YAYASAN ISLAM KELANTAN
NILAM PURI, KOTA BHARU**

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL 2/2015

**PEMATUHAN KEPADA PROSEDUR PENBGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT AKTA PROSEDUR KEWANGA 1957**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memastikan semua Pentadbir dan Kakitangan diperingkat sekolah mematuhi Prosedur Pengurusan Kewangan mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 mengenai tempoh pengangan wang hasil kutipan yuran oleh sesaorang guru pemungut.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Hasil dari semakan Audit Dalam Yayasan Islam Kelantan keatas kutipan wang yuran persekolahan oleh guru-guru tingkatan didapati banyak kes dimana guru-guru yang diberi tanggungjawab membuat pungutan wang yuran persekolahan atau apa-apa kutipan yang berkenaan tidak segera membuat penyerahan wang kutipan tersebut kepada Bendahari Sekolah atau Pembantu Tadbir Kanan yang diberi tanggungjawab mengurus kewangan sekolah dalam tempoh yang dibenarkan untuk dimasukkan ke akaun bank sekolah. Akibat dari kelewatan penyerahan wang ini Audit dapati ianya telah menjejaskan pelaksanaan aktiviti aktiviti sekolah yang perlu dilaksanakan.
- 2.2 Sehubungan dengan itu mulai dari tarikh surat Pekeliling Pentadbiran ini dikeluarkan semua Pentadbir sekolah hendaklah memastikan agar semua guru-guru atau kakitangan yang terlibat agar mematuhi arahan ini dengan menyegerakan penyerahkan

semua kutipan yang dipungut kepada Bendahari Sekolah atau Pembantu Tadbir Kanan yang telah diberi tanggungjawab menguruskan kewangan sekolah.

2.3 Tempoh penyerahan wang

2.3.1 Penyerahan wang kutipan hendaklah segera diserahkan pada hari yang sama jika

- i) Pungutan wang kertas atau duit syiling melebihi RM500.00
- ii) Jumlah pungutan (Termasuk wang kertas, duit syiling, cekwang pos atau kiriman wang) melebihi RM2,000.00.
- iii) Sekiranya jumlah wang yang dipungut tidak melebihi RM500.00 maka hendaklah diserahkan dalam minggu yang sama kutipan itu di buat.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Kegagalan tuan/puan mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan tuan/puan boleh diambil tindakan tatatertib.

"SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN"

"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"



**HJ TENGGU ABDUL RAHMAN BIN TUAN YUNUS
PENGARAH
YAYASAN ISLAM KELANTAN.**

BERTARIKH: 9 NOV 2015

YIK. 100/1/1-3 JLD4 (16)
Bertarikh: 3 Ramadhan 1437H
Bersamaan: 8 Jun 2016

Kemajlis

YBr. Pengetua Maahad Yayasan Islam Kelantan
YBr. Pengetua Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan
YBr. Sheikh Pusat Pengajian Pondok
YBr. Pengetua Sekolah Menengah Ugama Arab
YBr. Pengetua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
YBr. Guru Besar Tadika Islam Yayasan Islam Kelantan.

Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN YAYASAN ISLAM KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2016
(LAPORAN KUTIPAN YURAN PERSEKOLAHAN)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.


2. Sukacita dimaklumkan bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan Bilangan 2 Tahun 2016 (Laporan Kutipan Yuran Persekolahan)
3. Sehubungan dengan itu tuan/puan dikehendakki mematuhi Pekeliling berkenaan mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan. Kegagalan tuan/puan berbuat demikian menyebabkan tindakan boleh diambil ke atas tuan/puan.

" SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN "

" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM "

" AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH "

Yang menurut perintah



(HAJI TENGGU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)
Pengarah
Yayasan Islam Kelantan



**YAYASAN ISLAM KELANTAN
NILAM PURI, PETI SURAT 248, 15730 KOTA BHARU**

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN YAYASAN ISLAM KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**LAPORAN KUTIPAN YURAN SEKOLAH
YAYASAN ISLAM KELANTAN.**

1. TUJUAN.

1.1 Pekeliling ini bertujuan mengarahkan semua Pengetua sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan supaya melaporkan mengenai prestasi kutipan dan penyerahan yuran oleh guru-guru kelas setiap 3 bulan sekali kepada Yayasan Islam Kelantan

2. LATAR BELAKANG

2.1 Hasil dari semakan Audit Dalam YIK di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan didapati masih terdapat kes di mana guru-guru kelas gagal mematuhi arahan supaya menyerahkan hasil pungutan yuran kepada pentadbiran sekolah dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana Pekeliling Pentadbiran YIK Bil 2/2015 bertarikh 9 Nov 2015.

2.2 Yayasan Islam Kelantan memandang serius hal ini kerana ianya memberi kesan yang negatif kepada pentadbiran sekolah di dalam melaksanakan pengurusan di sekolah-sekolah.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi memastikan perkara ini tidak berlaku secara berterusan maka pemantauan perlu sentiasa dilakukan oleh Pentadbir-pentabir sekolah dengan menjadikan laporan ini sebagai salah satu dari agenda di dalam mesyuarat pengurusan/Jawatankuasa kerja sekolah yang perlu diadakan sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 bulan sekali.
- 3.2 Sesalinan minit mesyuarat berkenaan hendaklah dihantar kepada Yayasan Islam Kelantan dalam tempoh tidak lebih dari 2 minggu dari tarikh mesyuarat itu diadakan.
- 3.3 Pelaporan kutipan yuran itu hendaklah menggunakan format sebagaimana di lampiran A.
- 3.4 Pentadbir dan guru yang gagal mematuhi Pekeliling ini boleh diambil tindakan oleh Yayasan Islam Kelantan

4. TARIKH BERKUAT KUASA.


- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

*** SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN***

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ***

*** AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH***

Yang menurut perintah



(HAJI TENGGU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)

Pengarah

Yayasan Islam Kelantan.

Bertarikh:

